

Soalan-soalan lazim ditanya

1. Apa itu Protection visa?

Protection visas adalah untuk orang (atau ahli keluarga mereka) dimana mereka menghadapi risiko sebenar ancaman ketara atau peluang nyata penganiayaan sekiranya mereka pulang ke negara asal. Sekiranya anda telah diberi Protection visa, anda tidak boleh pergi ke negara di mana anda memerlukan suaka tanpa kebenaran daripada Kerajaan Australia, walaupun keluarga anda tinggal di situ.

Jangan memohon Protection visa sebagai cara untuk melanjutkan pemastautinan anda di Australia supaya anda boleh mendapatkan pekerjaan bergaji.

Anda amat digalakkan untuk mendapatkan [free legal advice](#) nasihat guaman yang percuma daripada pakar orang pelarian dan pengamal guaman imigresen untuk mengetahui sama ada anda layak mendapat Protection visa.



2. Siapakah layak untuk memohon Protection visa di Australia?

Protection visa adalah untuk orang (atau ahli keluarga mereka) yang menghadapi risiko sebenar ancaman yang ketara jika mereka pulang ke negara asal mereka atau menghadapi peluang nyata penganiayaan yang berasaskan:

- bangsa
- agama
- kewarganegaraan
- keahlian kumpulan sosial tertentu atau
- pendapat politik

Nyata sekali terdapat lebih banyak permohonan Protection visa yang tidak berjaya berbanding dengan permohonan visa yang berjaya. Secara purata, lebih dari 85% daripada semua permohonan telah ditolak, kerana mereka tidak memenuhi keperluan visa. Permohonan daripada warganegara beberapa buah negara asing mencatat kadar penolakan hampir 100%.

Mungkin terdapat visa-visa lain yang lebih sesuai dengan keadaan anda. Maklumat lanjut tentang mencari visa yang betul boleh didapati di laman [web Hal Ehwal Dalam Negeri](#).

3. Berapa lama masa yang diperlukan untuk memproses permohonan Protection visa?

Terdapat perubahan besar telah dibuat terhadap pemprosesan permohonan Protection visa untuk mempercepatkan masa pemprosesan, bagi kebanyakan permohonan baru, masa untuk membuat keputusan hampir 8 kali lebih cepat berbanding dengan tahun-tahun kebelakangan ini. Ini bermakna pemberian Protection visas yang lebih cepat diberikan kepada mereka yang benar-benar memerlukannya dan penolakan cepat diberikan kepada mereka yang memohon Protection visas semata-mata untuk bekerja atau melanjutkan tempoh tinggal mereka di Australia.

Harap maklum sekiranya anda menggunakan penasihat migrasi yang tidak berdaftar untuk memohon Protection visa, anda mungkin membayar banyak wang dan masih ditolak Protection visa dengan cepat. Anda amat digalakkan untuk mendapatkan [free legal advice](#) nasihat guaman yang percuma daripada pakar orang pelarian dan pengamal guaman imigresen untuk mengetahui sama ada anda layak mendapat Protection visa.

Mungkin terdapat visa-visa lain yang lebih sesuai untuk keadaan anda. Maklumat lanjut tentang mencari visa yang betul boleh didapati di laman [web Hal Ehwal Dalam Negeri](#).

4. Apa berlaku jika Protection visa saya ditolak?

Sekiranya Protection visa ditolak, anda tidak boleh memohon kebanyakan visa lain dan anda perlu meninggalkan Australia. Jika anda tidak mempunyai visa yang sah, anda mungkin ditahan dan diusir dari Australia. Permohonan Protection visa yang ditolak akan menyulitkan anda dan keluarga anda untuk melawat Australia pada masa akan datang. Ia boleh menjejaskan permohonan visa ke negara lain di luar Australia pada masa hadapan, bergantung pada jenis visa yang anda mohon.

Terdapat akibat yang serius kepada pemohon Protection visa yang memberi dokumen palsu atau maklumat yang mengelirukan dalam permohonan mereka, termasuk denda yang besar, kemungkinan penjara sehingga 10 tahun, atau kedua-duanya sekali. Ia mungkin juga sukar bagi anda dan keluarga anda untuk kembali ke Australia, walaupun dengan visa pelawat, pelajar, atau kerja sementara seperti visa skim PALM ([PALM scheme](#)).

Tahun ini, Kerajaan Australia memulakan operasi baru untuk fokus kepada penahanan pemohon yang ditolak Protection visa yang mana visa sementara mereka telah tamat tempoh dan mengusir mereka dari Australia. Operasi ini sedang dijalankan.



Soalan-soalan lazim ditanya

Jika anda ditahan dan diusir dari Australia, anda mungkin perlu membayar balik kos penghantaran pulang, ini mungkin melibatkan beribu-ribu dolar.

Sebelum memohon Protection visa, anda amat digalakkan untuk mendapat nasihat guaman percuma [free legal advice](#) daripada pakar orang pelarian dan pengamal guaman imigresen.

5. Bolehkah saya memohon visa lain jika saya ditolak Protection visa?

Sekiranya Protection visa ditolak, anda tidak boleh memohon kebanyakan visa lain dan anda perlu meninggalkan Australia. Anda dan keluarga anda mungkin merasa sukar untuk kembali ke Australia.

Jika anda ditahan dan diusir dari Australia setelah Protection visa ditolak, anda mungkin perlu membayar balik kos penghantaran pulang, ini mungkin melibatkan beribu-ribu dolar.

Permohonan Protection visa yang ditolak boleh menjejaskan permohonan visa ke negara lain di luar Australia pada masa hadapan, bergantung pada jenis visa yang anda mohon.

Mungkin terdapat visa-visa lain yang lebih sesuai untuk keadaan anda. Maklumat lanjut tentang mencari visa yang betul boleh didapati di laman [web Hal Ehwal Dalam Negeri](#).

6. Perlukah saya bercakap dengan penasihat migrasi tentang memohon Protection visa?

Nasihat tentang memohon Protection visa hanya boleh diminta daripada agen migrasi yang berdaftar dan pengamal undang-undang Australia. Anda juga boleh mendapatkan bantuan imigresen daripada orang yang termasuk dalam golongan orang terkecuali

Orang yang terkecuali ialah seseorang yang bukan agen migrasi berdaftar atau pengamal undang-undang dan merupakan salah satu daripada yang berikut:

- penama atau penaja anda
- ahli keluarga terdekat anda
- seorang ahli parlimen
- ahli misi diplomatik
- ahli jawatan konsular
- ahli organisasi antarabangsa

Seseorang yang bukan agen migrasi berdaftar atau pengamal undang-undang Australia tidak boleh mengenakan bayaran kepada anda untuk bantuan mereka. Adalah haram bagi orang yang terkecuali untuk mengenakan bayaran.

Seseorang yang bukan agen migrasi yang berdaftar, pengamal undang-undang Australia atau orang yang terkecuali mungkin memberi anda nasihat salah, menyebabkan anda berdepan risiko hilang sebarang kesempatan anda untuk tinggal di Australia.

Anda tidak seharusnya membenarkan sesiapa memohon Protection visa untuk anda tanpa memahami apa yang anda mohon dan maklumat yang diberikan dalam permohonan itu. Anda mesti memastikan bahawa semua maklumat dalam permohonan anda adalah benar, walaupun orang lain yang melengkapkan dan mengajukan permohonan ini untuk anda.

Sekiranya anda membayar untuk nasihat migrasi, pastikan ia disediakan oleh agen migrasi yang berdaftar atau pengamal guaman Australia. Anda boleh mengetahui seseorang agen migrasi sama ada telah berdaftar dengan menyemak di laman web [Pejabat Pihak Berkuasa Pendaftaran Agen Migrasi](#).

7. Bagaimana saya boleh mendapat penasihat migrasi yang bereputasi untuk membantu saya dalam permohonan Protection visa?

Di Australia, agen-agen migrasi mesti berdaftar dengan [Pejabat Pihak Berkuasa Pendaftaran Agen Migrasi \(OMARA\)](#). Anda boleh mengunjungi laman web untuk menyemak sama ada seseorang agen telah berdaftar atau mencari pilihan lain.

Operator-operator yang haram sering mengiklankan perkhidmatan mereka di media sosial dan dalam kumpulan sembang dalam talian. Mereka kadangkala memberitahu pemohon untuk memberi maklumat yang mengelirukan apabila memohon Protection visa, dan ada yang mengenakan bayaran yang banyak untuk nasihat yang tidak betul.

Jika seseorang cuba memberi anda nasihat imigresen yang salah di sisi undang-undang, anda boleh memberitahu kami dengan menggunakan [Border Watch Online Report](#) (Laporan Dalam Talian Pengawasan Sempadan). Anda tidak perlu memberi nama anda.

Nasihat guaman percuma ([Free legal advice](#)) dari pakar orang pelarian dan pengamal guaman imigresen juga tersedia.



Soalan-soalan lazim ditanya

8. Sekiranya saya memohon Protection visa, bolehkah saya pulang?

Apabila anda memohon Protection visa, permohonan anda mungkin ditolak jika anda pergi ke negara di mana anda memerlukan perlindungan Australia, walaupun keluarga anda menetap di sana.

Sekiranya anda diberikan visa Perlindungan, anda tidak boleh pergi ke negara yang anda menuntut suaka tanpa kebenaran daripada Kerajaan Australia, walaupun keluarga anda tinggal di sana.

9. Apa berlaku jika saya mengemukakan maklumat palsu dalam permohonan Protection visa?

Terdapat akibat yang serius kepada pemohon Protection visa yang memberi dokumen palsu atau maklumat yang mengelirukan dalam permohonan mereka, termasuk denda yang besar, kemungkinan penjara sehingga 10 tahun, atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan dengan risiko denda dan penjara, ia mungkin sukar untuk anda dan keluarga anda kembali ke Australia, walaupun dengan visa pelawat, pelajar atau kerja sementara seperti visa skim PALM. ([PALM scheme](#)).

Jika anda didapati telah memberi maklumat palsu atau mengelirukan, selepas anda diberikan visa, Protection visa anda boleh dibatalkan. Harap maklum, permohonan Protection visa yang ditolak atau Protection visa yang dibatalkan, boleh menjejaskan permohonan visa ke negara lain di luar Australia pada masa hadapan, bergantung pada jenis visa yang anda mohon.

Jika seseorang yang memohon Protection visa meminta anda menulis surat sokongan untuk mereka, anda hanya perlu melakukan ini jika anda percaya mereka adalah pencari suaka benar yang menghadapi risiko sebenar ancaman ketara atau mereka menghadapi peluang nyata penganiayaan jika mereka pulang. Galakkanlah mereka mengakses nasihat guaman percuma ([free legal advice](#)) daripada pakar hal ehwal orang pelarian dan pengamal guaman imigresen di negeri atau wilayah mereka.

10. Betulkah bahawa Protection visa menyediakan suatu cara untuk kekal dan bekerja di Australia?

Protection visa hanya boleh dimohon oleh seseorang yang menghadapi risiko sebenar ancaman ketara atau peluang nyata penganiayaan jika mereka pulang. Protection visa bukan untuk orang yang hanya ingin tinggal lebih lama di Australia untuk bekerja.

Terdapat sebahagian perniagaan yang menawarkan peluang pekerjaan di Australia dengan memberitahu pemegang visa sementara untuk memohon Protection visa dengan menggunakan maklumat palsu, seterusnya meletakkan pemohon berdepan risiko visa mereka ditolak dan mereka menghadapi denda yang besar, kemungkinan penjara sehingga 10 tahun, atau kedua-duanya. Mereka juga mungkin ditolak visa lain pada masa hadapan.

Pelajar-pelajar juga dinasihatkan untuk kekal tinggal di Australia dengan menggunakan maklumat palsu untuk memohon Protection visa. Memberi maklumat palsu meletakkan pemohon berdepan risiko visa mereka ditolak dan mereka menghadapi denda yang besar, kemungkinan penjara sehingga 10 tahun, atau kedua-duanya sekali.

Nyata sekali terdapat lebih banyak permohonan Protection visa yang tidak berjaya berbanding dengan permohonan visa yang berjaya. Secara purata, lebih dari 85% daripada semua permohonan telah ditolak, kerana mereka tidak memenuhi keperluan visa. Permohonan daripada warganegara beberapa buah negara asing mencatat kadar penolakan hampir 100%.

Sekiranya anda sedang berfikir untuk memohon Protection visa, anda amat digalakkan untuk mendapat nasihat guaman percuma [free legal advice](#) daripada pakar orang pelarian dan pengamal guaman imigresen untuk mengetahui sama ada anda layak. Mungkin terdapat visa-visa lain yang lebih sesuai untuk keadaan anda.

11. Adakah terdapat seseorang yang boleh saya bercakap untuk mendapatkan nasihat percuma?

Kerajaan Australia menyediakan nasihat guaman percuma ([free legal advice](#)) daripada pakar hal ehwal orang pelarian dan pengamal guaman imigresen untuk membantu orang ramai memahami sama ada mereka layak mendapat Protection visa.

Anda juga boleh layari laman [web Hal Ehwal Dalam Negeri](#) untuk maklumat yang lebih lanjut.

